



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/6/2017	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Sektor pembalakan masih pandang remeh soal keselamatan

Malaysia adalah antara negara yang masih kaya dengan sumber hutannya. Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) 2015 di dalam Laporan Penilaian Sumber Hutan Global mendefinisikan hutan sebagai kawasan tanah melebihi 0.5 hektar dengan litupan kanopi pokok lebih 10 peratus dan tidak ditanam dengan tanaman pertanian atau lain-lain tanaman bukan kegunaan hutan.

Laporan itu juga melaporkan, tanah berhutan di Malaysia adalah sebanyak 67.6 peratus. Pembalakan bukan sekadar salah satu cabang ilmu tetapi aktiviti perniagaan yang menjana sumber ekonomi negara. Namun begitu, kesedaran terhadap perkara keselamatan pekerja ketika operasi pembalakan dijalankan jarang diambil berat oleh syarikat pembalakan dan pekerjaanya.

Malah, ramai pekerja balak tidak menyedari mengenai kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehingga ada di kalangan mereka melihat isu ini sebagai kurang menarik dan tidak melihat ia sebagai keutamaan.

Perkara ini hendaklah dipandang serius kerana berlaku banyak kemalangan membabitkan kematian di dalam sektor pembalakan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) pada 2016 melaporkan sektor pertanian dan perhutanan mencatat kira-kira 437 kes kemalangan.

Data ini juga meletakkan sektor perhutanan, pertanian, dan perikanan sebagai kedua tertinggi selepas sektor perkilangan iaitu sekitar 300 hingga 600 bagi Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Tanpa Hilang Upaya Kekal (THUK) untuk Disember 2016 dan tahun sebelumnya. Kes kemalangan maut yang dilaporkan kepada JKKP untuk pembalakan sahaja adalah sebanyak 12 kes dari 2012 hingga 2016.

Antara kes kemalangan maut yang dicatatkan oleh JKKP ialah tragedi di Kem Balak, Sarawak pada 2 Julai 2016 apabila mangsa maut di tempat kejadian setelah lori balak yang dipandunya terjatuh ke dalam gaung dan menghempaknya hingga berlaku kecederaan parah di kepala.

Daripada pemerhatian, tiada prosedur operasi selamat dipraktikkan oleh pihak berwajib ter-

hadap mangsa menjadi punca kemalangan.

Kes kedua ialah pada 16 Ogos 2015 di Pahang di mana mangsa, pemandu jentolak penarik kayu balak menggunakan 'winch' di tepi lereng bukit. Secara tiba-tiba enjin jentera itu mati dan jentolak menggelongsor secara menegirng dan terbalik ke bawah menyebabkan mangsa tersepit. Mangsa mengalami kecederaan parah anggota badan dan maut serta-merta.

Kes ketiga adalah pada 16 Jun 2015, mangsa yang bekerja sebagai penebang maut kerana kecederaan parah di kepala akibat ditimpa pokok balak ketika menjalankan aktiviti menebang pokok di Negeri Sembilan.

Antara kes lain pula ialah pada 9 Jun 2015, di Sarawak di mana mangsa terjatuh ke bawah ketika mengoperasikan excavator berdekatan dengan kawasan curam. Akibat pendarahan teruk di kepala, mangsa maut di tempat kejadian. Kawasan lokasi licin dan curam menjadi punca berlakunya kemalangan.

Pandang remeh keselamatan

Fakta kes kemalangan jelas menunjukkan sesetengah pihak seperti syarikat operasi balak memandang remeh hal berkaitan keselamatan pekerja dan persekitaran. Kebanyakan mereka tidak mengikuti Prosedur Operasi Am yang digariskan oleh JKKP. Forest Stewardship Council (FSC) juga telah menetapkan beberapa langkah keselamatan bagi kerja hutan untuk proses pembalakan, namun tidak dipatuhi dengan sebaiknya.

Tiada prosedur kerja selamat dan pengetahuan majikan di paras minimum mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan antara ulasan yang direkodkan JKKP. Adalah penting majikan mengikuti garis panduan am bagi keselamatan di tempat kerja untuk kesejahteraan bersama.

Operasi pembalakan perlu memenuhi langkah pencegahan yang perlu serta mematuhi panduan sedia ada antaranya seperti Panduan Penggunaan Bahan Kimia, Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Hutan, Panduan Pembalakan Berimpak Rendah 2003, Panduan Pembinaan Jalan Hutan 2010, Manual Perhutanan Jilid 1-3, dan Panduan Kerja Luar 1997.

Majikan perlu menyediakan satu dasar kesihatan dan keselama-



(FOTO HIASAN)

Pekerja perlu memastikan alat pelindung diri dan alat menebang dalam keadaan sempurna ketika operasi pembalakan dijalankan bagi mengelak risiko kemalangan.

tan secara bertulis dan dimaklumkan kepada pekerja dan perlu dipatuhi. Sekiranya pihak konsesi atau majikan mengendahkan atau gagal mengambil berat mengenai perkara ini, ia boleh didakwa di atas Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (AKTA 514) jika disabit boleh didenda RM50,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Secara umum, antara perkara yang boleh dilihat di dalam operasi hutan adalah persediaan awal sebelum operasi pembalakan dijalankan. Bagi kerja penebangan dan memotong, menjadi tanggungjawab penyelia memastikan taklimat ringkas keselamatan diberi kepada pekerja. Pekerja hendaklah dibekalkan dengan alat pelindung diri seperti topi, kasut keselamatan, cermin mata keselamatan dan plag telinga.

Selain itu, alat menebang seperti gergaji bermotor hendaklah diperiksa agar berada dalam keadaan baik. Tanda amaran 'Dilarang Masuk' hendaklah dipasang pada laluan utama ke kawasan pembalakan.

Pemandu kenderaan hendaklah memiliki lesen memandu yang sah dan perlu lebih berhati-hati ketika memandu kerana jalan licin selepas hujan. Pembinaan jalan balak perlu mengikut spesifikasi di-

etapkan. Papan tanda had laju yang bersesuaian hendaklah dipasang di tempat strategik pada jalan sementara yang dibina sebagai peringatan kepada pemandu.

Elak penyebaran wabak

Di dalam hutan, had kelajuan lori balak mestilah tidak melebihi 15 km/jam. Muatan balak tidak melebihi muatan yang ditentukan bagi mengelak risiko kemalangan. Besi penahan pada lori balak hendaklah kukuh untuk menahan balak bagi mengelak balak terjatuh ke tanah. Jentera yang digunakan perlu diselenggara mengikut jadual supaya sentiasa baik untuk digunakan.

Kebersihan di kawasan rumah pekerja perlu dijaga untuk mengelak penyebaran wabak penyakit terhadap pekerja. Pihak pembalakan hendaklah menyediakan kemudahan asas seperti tandas, peti kecemasan, alat pemadam api, tong sampah dan bekalan air yang mencukupi.

Elemen keselamatan dan kesihatan pekerja hendaklah dititikberatkan demi mengurangkan risiko berlakunya kemalangan di kawasan pembalakan. Oleh itu, pihak majikan dan juga pekerja perlu mengambil berat mengenai soal keselamatan dan kesihatan serta mempraktikkan mengikut kaedah yang dikeluarkan.

Komentar



**Prof Madya
Dr Mohd Hasnadi Ismail**
Ketua Jabatan Pengeluaran Hutan,
Fakulti Perhutanan,
Universiti Putra Malaysia